

15 NOV 1997

Keng Yaik-AS

PRESIDEN GERAKAN KESAL DENGAN KEDUTAAN AMERIKA BERKAITAN PETRONAS

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama yang juga Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kesal dengan kedutaan Amerika Syarikat (AS) di sini "kerana memberikan maklumat tidak tepat" kepada delegasi AS yang akan menyiasat urusan Petronas dengan Iran.

Beliau berkata kedutaan itu memberi maklumat kepada perwakilan AS, yang dijangka tiba di sini minggu depan, untuk menyiasat urusan tersebut, bahawa "tidak selamat" (bagi delegasi itu) untuk datang ke Malaysia."

"Kedutaan AS di sini tidak memberikan maklumat yang betul. Mereka menghantar maklumat yang tidak tepat," kata beliau pada sidang berita selepas merasmikan perhimpunan agung Majlis Liberal dan Demokrat Asia dan forum Penguasaan Masyarakat Pelbagai Etnik di Asia" di sini.

AS telah memberi amaran kepada syarikat-syarikat antarabangsa bahawa mereka mengambil risiko dikenakan sekatan jika didapati bersalah melanggar Akta Sekatan Iran-Libya.

Syarikat Gazprom dari Rusia, Petronas dari Malaysia dan Total SA dari Perancis mengadakan usaha sama bernilai AS\$2-bilion dengan Iran untuk membangunkan sebahagian daripada medan gas South Pars di Iran.

Dilaporkan semalam, kedutaan AS di sini telah mengeluarkan notis Khamis lepas mengingatkan rakyatnya berkaitan kemungkinan ancaman, selepas kedutaan menerima panggilan ancaman, berikutan draf resolusi terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh beberapa anggota Kongres AS, dan siasatan terhadap Petronas.

Dilaporkan satu daripada pemanggil berkata dia adalah dari Pergerakan Jihad Islam Malaysia.

Terdapat kira-kira 6,100 rakyat Amerika yang bekerja di Malaysia, daripada jumlah itu, 235 adalah pegawai dari pelbagai agensi kerajaan AS manakala bakinya eksekutif syarikat.

Dr Lim membidas kedutaan itu kerana melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya dalam mewujudkan hubungan mesra antara kedua-dua negara.

"Jelas mereka tidak melakukan tugas dengan sebaiknya," kata beliau sambil menyoal sama ada mereka mempunyai agenda tersendiri.

Beliau berkata mereka (kedutaan) bagaikan mencurahkan "minyak" apabila melihat sedikit asap.

Apabila ditanya apakah asas "kenyataan" beliau itu, beliau berkata: "Mereka sendiri yang memberitahu supaya rakyat AS jangan datang (ke Malaysia). Pada pendapat anda adakah itu tepat?"

Kenyataan Dr Lim dikeluarkan 48 jam selepas kira-kira 100 anggota Pemuda Barisan Nasional mengadakan demonstrasi aman di hadapan kedutaan AS di sini, yang membantah draf resolusi Kongres AS terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan siasatan terhadap Petronas.

Semalam, Peguamcara Negara Datuk Heliliah Yusof menemui pegawai kedutaan AS, lebih empat jam, di kedutaan tersebut di Jalan Tun Razak di sini.

Berkaitan dengan langkah anggota Kongres AS mengeluarkan draf resolusi yang meminta Dr Mahathir memohon maaf atau meletakkan jawatan berkaitan ulasan yang dianggap anti-Amerika dan anti-semitik, Dr Lim berkata Gerakan akan mencadangkan supaya Barisan Nasional menghantar delegasi ke AS untuk menemui anggota Kongres yang terbabit.

Beliau berkata beliau mengsyaki anggota Kongres itu mempunyai "agenda sendiri" dalam mengadakan resolusi itu. --BERNAMA

ES JK RI

